

Praktis 6 Cerpen Legasi Tapai Ubi

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Ya, projek tapai ubi. Kenapa?” tanya Profesor Haidar apabila melihat aku seperti terkejut besar akan kata-katanya tadi.

Aku tidak menjawab. Fikiranku melayang ke zaman kanak-kanak. Teringat aku akan bapa dan emak yang masih membuat tapai ubi hingga kini. Barangkali bapa sedang mencabut ubi ketika ini. Atau barangkali emak sedang melumatkan ragi pagi ini. Alangkah sukarnya mereka kini kerana tiada pembantu. Dalam usia setua mereka, emak dan bapa masih gigih mengusahakan perniagaan tapai ubi mereka. Aku kagum akan kegigihan itu.

“Apa hubungan tapai ubi dengan bidang perubatan, Prof.?” tanyaku, apabila fikiranku tenang sedikit.

“Ada penemuan yang membuktikan bahawa tapai ubi dapat membantu mengurangkan serangan kanser. Jadi kita perlu membuat kajian sama ada penemuan tersebut benar atau sebaliknya,” jelas Profesor Haidar dengan yakin.

Aku mulai sedar bahawa legasi tapai ubi itu ada dalam hidupku. Sejak kecil hingga ke menara gading. Aku mula menyedari bahawa legasi itu perlu aku manfaatkan seadanya. Kini, secara kebetulan pula, tapai ubi *muncul kembali* dalam kehidupanku. Tidak kujangkakan sama sekali. Di peringkat pengajian tinggi ini, tapai ubi mempunyai ruang untuk dikaji dan diketengahkan.

Dipetik daripada cerpen “Legasi Tapai Ubi”,
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 1 Maksud rangkai kata *muncul kembali* ialah
A terbit pula. C datang juga.
B timbul semula. D singgah cuma.

Mentafsir Aros R

- 2 Dalam usia setua mereka, emak dan bapa masih gigih mengusahakan perniagaan tapai ubi mereka.

Peribahasa yang sesuai dengan situasi di atas ialah

- A Bagai itik pulang petang
B Bagai kumbang putus tali
C Bagai lebah menghimpun madu
D Bagai melepaskan batuk di tangga

Mentafsir Aros R

- 3 Apakah pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen di atas?
A Kita hendaklah rajin mencari rezeki.
B Kita perlulah bijak merebut peluang.
C Kita perlulah sentiasa berhati-hati.
D Kita janganlah memandang hina terhadap orang lain.

Memahami, Menganalisa Aros S

- 4 “Aku” mulai sedar bahawa legasi tapai ubi itu

- A ada dalam hidupnya.
B perlu dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja.
C wujud secara kebetulan.
D perlu dikaji dan diketengahkan.

Memahami, Menganalisa Aros S

- 5 Antara berikut yang manakah **benar** tentang petikan cerpen di atas?

- A Profesor Haidar seperti terkejut besar akan kata-kata “aku” tadi.
B Fikiran “aku” melayang ke zaman remaja.
C Bapa dan emak “aku” masih membuat tapai ubi hingga kini.
D Ada penemuan yang membuktikan bahawa tapai ubi dapat membantu menyembuhkan penyakit kanser.

Menganalisis, Menyusun Aros T